

MADRASAH AL-QURAN BINTULU: SUMBANGAN DAN PROSPEK TERHADAP PEMBANGUNAN ISLAM DI SARAWAK

Sophian Bin Rambli¹, Ali Fathullah Harun², Engku Ahmad Zaki Engku Alwi³

¹ Pelajar Calon Doktor Falsafah Fakulti Pengajian Islam Kontemporari Universti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Terengganu, Terengganu and Malaysia, sopet77@gmail.com

² Pendiri dan Mudir Madrasah al-Quran (MAQ) Bintulu, Sarawak, iiqbintulu89@gmail.com

³ Profesor Dr Haji. & Pensyarah di Fakulti Pengajian Islam Kontemporari Universti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Terengganu, Terengganu and Malaysia, drkuzaki@gmail.com

Abstract

Discussion on roles and contributions of this institution is a unique area to investigate and examine because the research is centered at a Muslim minority area in Sarawak in general since 1985 until now. The researcher found that the study involving MAQ needs to further explore about spread of Islam from various aspects of life, as well as its possibility of bringing about positive impact on local community. And also, the study analyzed contribution and also prospect of Madrasah al-Quran (MAQ) Bintulu in Islamic development in Sarawak. Findings of this study can benefit the Madrasah in strengthening and determining the Islamic development Sarawak as well as improve current situations.

Pembahasan mengenai peranan dan sumbangan institusi merupakan unik untuk dikaji dan diteliti kerana dikawasan minoriti masyarakat Islam di Sarawak secara keseluruhan dari tahun 1985-kini. Penyelidik mendapati MAQ juga sangat perlu dikaji dalam mengetahui secara mendalam proses penyebaran Islam merangkumi pelbagai aspek kehidupan, serta kemungkinan akan memberi impak positif terhadap masyarakat setempat. Dan juga menganalisa sumbangan dan prospek Madrasah al-Quran (MAQ) pembangunan Islam di Sarawak. Hasil kajian ini juga dapat dimanfaatkan oleh Madrasah al-Quran ini sendiri dalam memperkukuhkan dan memantapkan untuk pembangunan Islam di Sarawak serta memperbaiki kekurangan yang sedia ada.

Keywords: contributions, prospect, Madrasah al-Quran (MAQ) Bintulu, Islamic development

Pendahuluan

Bintulu merupakan lokasi sejarah penubuhan dan perkembangan Madrasah al-Quran (MAQ) Bintulu sebagai objek kajian dan pembangunan sumber daya manusia yang meningkat kerana penghijrahan golongan professional serta rancak pembangunan industri gas asli dan sumber hasil bumi yang lain. Setelah itu, Bintulu menjadi tumpuan pelbagai golongan, pakar dan fokus pemerintah Sarawak setelah Bahagian Kuching dan Miri menjadi fokus pembangunan pelbagai aspek kemajuan, hasil minyak serta galian yang banyak, faktor fizikal yang berpotensi dan sebagainya.

Penerimaan ajaran Islam menjadi titik tolak kepada penulis untuk meninjau semula dalam bentuk kajian. Oleh sebab kerana itu, perkara ini mendorong penulis untuk melakukan penulisan terhadap perkembangan Islam di Sarawak secara komprehensif dan mendalam terutama dari aspek latar belakang sejarah khususnya bidang pendidikan dan dakwah. Manakala korpus kajian ini mengkhususkan kepada sebuah institusi dan pusat latihan dikenali sebagai Madrasah al-Quran (MAQ) di Bintulu, Sarawak.

Secara amnya kajian ini berhasrat untuk meneroka, mengenalpasti dan memerihalkan perkembangan Islam di Bintulu, latarbelakang dan profil institusi pendidikan swasta di Sarawak iaitu Madrasah al-Quran (MAQ) di Bintulu, Sarawak berdiri pada tahun 1980-an hingga sekarang. Kajian ini menumpukan aspek pensejarahan, latarbelakang penubuhan, perkembangannya, profil institusi ini dan kemudian mengenalpasti, meneroka dan menganalisa, peranan, sumbangan serta cabaran dan prospek di masa hadapan.

Kajian ini melibatkan kerja lapangan (field work) dan kajian perpustakaan (library research) di mana kedua-dua elemen tersebut akan digunakan bagi menjayakan penulisan ini. Kajian ini juga melibatkan kajian terhadap penulisan-penulisan terdahulu merangkumi tajuk-tajuk berkaitan perkembangan Islam di Bintulu, Sarawak termasuk aspek pendidikan dan dakwah di Sarawak. Sebagai panduan di dalam menjalankan kajian ini, beberapa kaedah serta instrument kajian yang dikenal pasti dapat membantu sepanjang proses penulisan ini.

Sebagai panduan di dalam menjalankan kajian ini, beberapa kaedah yang dikenal pasti dapat membantu sepanjang proses penulisan ini iaitu, pertama penulisan perpustakaan dan yang kedua, penulisan lapangan

Melalui kajian ini, penulis berharap dan berusaha agar dapat mengungkap peranan dan sumbangan Madrasah al-Quran (MAQ) di Bintulu Sarawak. Dengan cara ini penulis dapat merakamkan sebuah penghargaan kepada institusi ini kerana setiap peranan sumbangan itu adalah sejarah dalam perkembangan Islam di Sarawak amnya dan khasnya yang perlu diketahui umum. Dan juga menjadi khazanah ilmu pengetahuan untuk generasi yang akan datang.

Perbincangan mengenai institusi pendidikan sama ada dimiliki agensi kerajaan dan bukan kerajaan serta pertubuhan persendirian telah banyak diwujudkan di negeri Sarawak. ini juga termasuk di seluruh bahagian yang ada di Sarawak seperti pada masa pemerintahan Brooke dan penjajahan British iaitu Madrasah Murshidiyyah di Kuching (sekarang dikenali sebagai Madrasah al-Islamiah), sekolah agama rakyat hampir ada diseluruh bahagian di Sarawak termasuk Bintulu. Kajian tentang MAQ beberapa di kaji oleh penulis serta penulis tempatan dalam pelbagai aspek termasuk sejarah dan perkembangannya. Penulis menemukan masih banyak aspek lain yang tidak diperincikan dan tidak mendalam, membuat penulis berhasrat melakukan penulisan lanjutan agar karya dan khazanah penulisan sejarah Islam terutama di Bintulu dapat dibaca dan terpelihara daripada hilang ditelan zaman. Kajian ini unik untuk ditekuni, diteliti dan dibincangkan secara mendalam serta penulisan ilmiah.

Perbandingan dengan institusi lain memanglah masih perlu banyak dipelajari memandangkan kekurangan ada masih perlu diperbaiki dari masa ke samasa. Perbincangan dalam bab keempat ini, akan mengemukakan pembahasan peranan yang dimainkan oleh MAQ dalam aspek umum dan khusus dalam perkembangan Islam di Bintulu sekaligus di Sarawak amnya. Kewujudan institusi pendidikan agama seperti MAQ, MADU, SK Agama MIS, Tadika HIKMAH dan lain-lain merupakan fenomena kebangkitan gerakan Islam dan kesedaran masyarakat Islam di Bintulu. Kewujudan semua institusi ini menjadi rangsangan untuk semua pihak yang berminat untuk mendalami ajaran Islam serta dihayati di dalam kehidupan. Serta menjadikan pedoman dalam pembentukan masyarakat yang berpegang teguh dan kukuh dengan agama Islam. Oleh yang demikian, penulis dalam bab ini akan memaparkan, memperincikan serta menganalisis berkenaan dengan peranan yang dilakukan serta dilaksanakan oleh MAQ dalam fungsinya dalam perkembangan Islam di Sarawak amnya dan khasnya di Bintulu. Istilah peranan amat luas dan perlu diperincikan dalam membincangkan kajian ini. Peranan secara umum bermaksud suatu tugas dan pekerjaan yang dipegang, sanggup dan mampu mengambalnya. Dan juga bermaksud memegang sesuatu yang akan dilaksanakan.

Peranan juga bermaksud sebagai suatu harapan-harapan yang diberi tanggungjawab oleh seseorang atau kelompok yang memiliki potensi dan kedudukan sosial serta masyarakat mengharapkan hal tersebut dapat direalisasikan dan terlaksana dalam kehidupan. Setelah mengetahui dan mengenal pasti maksud, penulis akan menjelaskan peranan secara lebih mendalam tentang peranan MAQ dalam perkembangan Islam di Sarawak umunya dan khasnya di Bintulu. Kajian ini akan membincangkan sejarah dan sumbangan Madrasah al-Quran terhadap perkembangan institusi pendidikan pendidikan Islam swasta (pensedirian) dan pusat latihan dakwah yang telah memberi sumbangan dakwah, melahirkan para graduan yang banyak serat bermanfaat untuk masyarakat Islam di Bintulu dan amnya di Sarawak. Ia meletakkan MAQ sebagai sebuah institusi yang salah satu nya memberi sumbangan selama 25 tahun yang lalu.

Menurut beberapa ahli sejarah kemasukan dan perkembangan Islam ke Kepulauan Borneo Abad ke 9-10 M melalui perdagangan walaupun hanya segelintir masyarakat, pendapat teori yang lain mengatakan iaitu abad ke 13-14 M, dan juga abad ke 14-18 M oleh pemerintahan Kesultanan Brunei dan abad ke 19-20 pada masa

Brooke dan British, pada masa kemerdekaan dan sehingga kini telah dibincangkan pada bab kedua. Ini merupakan usaha untuk menjejaki perkembangan Islam yang panjang dilalui oleh masyarakat Islam di Sarawak. Perkembangan Islam di Sarawak amnya dan khususnya di Bintulu, sejak awalnya di atas dasar latar belakang sejarah dan budaya, proses Islamisasi menuju Islam kaaffah masih memerlukan kekuatan-kekuatan yang strategik serta tersusun.

PERBINCANGAN DAN DAPATAN

Ini termasuk melalui program dan aktiviti dakwah dan pendidikan. Penulis mendapati pendekatan ini yang telah dan akan terus dilaksanakan oleh MAQ dalam memperbaiki pemahaman dan pandangan masyarakat terhadap keperluan dalam pembangunan pendidikan. Pemahaman pertama yang harus dilakukan adalah memperbaiki persepsi keagamaan tentang hakikat manusia sebagai Abdullah sekaligus khalifatullah, hakikat hidup supaya seimbang antara keperluan fizikal dan rohani, tujuan hidup iaitu kebahagiaan dunia dan akhirat. Ini juga diimbangi dengan secara keilmuan yang profesional antra ilmu qauliah dan ilmu kauniah. Seterusnya menjaga keharmonian hubungan dengan Tuhannya, hubungan dengan manusia dengan sesama manusia dan hubungan dengan alam sekelilingnya. Ini dilakukan agar tercapai kemudahan hidup yang bermakna.

Manakala pendidikan pula, samaada dalam bentuk madrasah, pondok, pesantren dan lain-lain, memberi pola keagamaan yang memerlukan kritik yang membina secara berterusan untuk mendekatkan ke arah esensi ajaran Islam iaitu al-dhurriyat al khamsah menuju Islam kaaffah. Untuk itu masyarakat Islam hendaklah kembali memahami secara benar terhadap sumber ajarannya iaitu al-Quran dan as-Sunnah serta sejarah kehidupan Rasulullah S.A.W. Bagi membincangkan sumbangan MAQ terhadap perkembangan Islam di Bintulu khususnya dan amnya di Sarawak, penulisan akan menjelaskan dalam bab keempat ini secara terperinci dan mendalam. Kewujudan MAQ di Bintulu dan sumbangan menurut informan yang ditembual dan pemerhatian seluruh bahagian lain di Sarawak telah mengukuhkan penulisan ini bagi menjawab persoalan-persoalan agar bermanfaat kepada masyarakat Islam di Sarawak.

Madrasah al-Quran (MAQ) Bintulu mengharungi perjalanan yang panjang sejak penubuhan hingga pada masa kini demi memartabatkan syiar Islam di Bumi Kenyalang, Sarawak. MAQ juga berusaha untuk memberi komitmen sepenuhnya berperanan serta menyumbang dalam pelbagai aspek kehidupan dalam masyarakat Islam di Sarawak. Sehingga kini proses dan perkembangan MAQ diakui oleh pelbagai pihak walaupun masih banyak perlu penambahbaikannya. Penulis akan membincangkan dan menjelaskan permasalahan yang menjadi anjakan paradigm dan pencetus untuk mengukuhkan syiar Islam di Sarawak melalui peranan dan sumbangan MAQ kepada umat Islam di Sarawak secara keseluruhan.

Dari perbincangan sebelum ini, dapat disimpulkan bahawa kedatangan Islam di Sarawak telah banyak mengubah cara hidup masyarakat khusus di Bintulu sekaligus di Sarawak, ianya menjadikan agama Islam sebagai ssstem kehidupan dan pedoman bagi menghadapi cabaran semasa. Walaupun mengharungi perbagai ancaman, penjajahan dan diskriminasi suatu ketika dahulu, agama Islam, pendidikan dan dakwah mengenai tetap terlaksana di negeri Sarawak yang minoriti penduduk beragama Islam. Pendidikan Islam di Sarawak amnya dan khususnya di Bintulu mendapat sokongan bukan sahaja dari masyarakat yang memerlukannya tetapi juga oleh pemerintah yang menjamin polisi dan sokongan yang berterusan dari semasa ke semasa.

Selain itu, langkah-langkah untuk memperkasakan MAQ juga perlu di ambil dari semasa ke semasa bagi memastikan kelangsungannya tidak terkubur dimamah zaman. Masyarakat juga perlu sentiasa didedahkan dengan kepentingan MAQ ini kepada umat Islam khususnya dan mereka yang sedar bahawa MAQ ini telah banyak berjasa kepada bangsa dan tanah air secara amnya. melihat kepada perkembangan negeri dan negara pada masa kini, pelajar dan pelatih bukan sahaja perlu dibekalkan dengan ilmu duniawi bahkan juga perlu menguasai ilmu agama sebagai benteng dan kekuatan dalaman diri. Oleh itu, peranan dan sumbangan MAQ tidak seharusnya diperkecilkan kerana terbukti ia mampu untuk membina kekuatan dalam pelajar dalam menghadapi cabaran arus kemodenan dan kebejatan akhlak dalam masyarakat yang disebarkan begitu meluas melalui media massa dan perkembangan teknologi maklumat yang tiada sempadan.

Sekiranya MAQ ini tidak diberikan perhatian dan dibiarkan terkubur, umat Islam di Bintulu khususnya dan umum di Sarawak akan kehilangan salah satu benteng yang dapat mempertahankan generasi akan datang daripada pengaruh-pengaruh luar seperti barat, sekularisme, orientalis serta gerakan musuh Islam yang sememangnya menjadi ancaman yang hebat kepada umat Islam. Akhir-akhir ini para pemerhati dan praktik pendidikan di Sarawak dikejutkan dengan tumbuhnya dan berkembangnya institusi pendidikan Islam swasta

seperti madrasah, ma'ahad dan sebagainya. Bahkan budaya dan perkembangan yang positif. Kerana pendidikan Islam di Sarawak amnya dan khasnya di Bintulu jauh dan berbeza jika dibandingkan dengan di Semenanjung Malaysia, Brunei dan Indonesia. Sistem pendidikan yang dilaksanakan pula mencuba mencontohi dan mengikuti sistem-sistem serta pendidikan seperti pondok, pesantren tradisional mahupun moden.

Membincangkan kewujudan institusi pendidikan seperti madrasah, maahad dan seumpamanya sebagai institusi pendidikan Islam serta pengkaderan pendakwah, guru agama dan imam seperti indigenous atau menarik untuk dilakukan penulisan lanjutan. Ini kerana khasnya bagi pengamal, pemerhati dan pemimpin umat yang akan dilahirkan nanti. Dengan itu juga, membincangkan pendidikan Islam seperti madrasah dan ma'ahad, akan diketahui peranan, fungsi, dan sumbangan institusi ini sebagai organisasi pendidikan Islam dan dakwah Islamiah dalam mewujudkan umat Islam berbudaya dan berdaya saing.

Walaupun di Sarawak amnya dan khasnya tidak banyak wujud institusi pendidikan dan dakwah Islamiah, tetapi ianya telah dirasakan oleh penulis akan sumbangan institusi seperti madrasah dan maahad iaitu merupakan pusat dari perubahan-perubahan masyarakat melalui program dan aktiviti penyebaran syiar Islam. Ianya juga salah satu platform untuk reformasi dan sumber daya manusia bagi melahirkan modal insan. Sesungguhnya sejarah Islam di Sarawak menyatakan bahasa para tokoh-tokoh agama dan ilmuan Islamnya menjadi perintis dan pendiri madrasah dan maahad tidak bermula dari kerangka dan rumusan secara teori ilmu pengurusan dan atau dibekalkan dengan teori kepimpinan (leadership theories), akan tetapi keterampilan kepimpinan Tuan Guru atau mudir (pengetua) berasaskan dari empiri (pengalaman lapangan).

Begitu juga para graduan serta alumna madrasah dan ma'ahad mampu berperanan di masyarakat dengan baik. Bahkan pada masa kini, kepercayaan untuk menghantar anak-anak mereka di MAQ jauh lebih meningkat. Apapun alasan mereka ini menunjukkan, bahawa keperluan akan pendidikan rohani, mental dan keperibadian seperti di MAQ ini sangat besar bagi masyarakat. Dalam pemerhatian dan penulisan yang telah dilakukan, seluruh pelajar dan guru-guru adalah kader calon pemimpin maka pihak pengurusan MAQ keseluruhannya memperlakukan warga MAQ sebagai orang-orang penting, berharga, bukan lagi sebagai orang biasa, apalagi pembantu atau kakitangan.

Pendekatan mesra kepada semua serta mengangkat maruah dan harga diri memberi peluang untuk berubah kepada yang lebih baik, memanusiakan manusia dan oleh kerana itu, pola pembentukan peribadi dan mental pemimpin yang sangar berbeza dengan pendidikan pada amnya. Metod kaderisasi tersebut belum mencukupi bila tidak disertakan dengan pendekatan-pendekatan. Ada tiga pendekatan iaitu pendekatan manusiawi, pendekatan program, tugas serta dengan pendekatan idealisme dan memenuhi nilai-nilai tersebut. Sebagai organisasi kaderisasi, MAQ meletakkan ukuran standard dan asas-asas kepimpinan melalui pengalaman yang panjang dengan kualifikasi tertentu. Ianya juga termasuk kecekapan dan keterampilan. Peranan institusi pendidikan dalam membentuk peribadi seorang muslim khasnya para remaja, belia dan pemuda memerlukan kesungguhan, kegigihan dan pergorbanan. Ianya juga memerlukan suatu sistem, kaedah dan pendekatan supaya penerimaan dan sepanjang proses tersebut dapat bertahan serta mewujudkan persekitaran yang saling mempengaruhi antara satu sama lain. institusi pendidikan seperti MAQ adalah salah satu institusi mencuba untuk berperanan serta potensinya dimanfaatkan oleh masyarakat Islam.

Peranan MAQ Dalam Perkembangan Pendidikan Islam di Bintulu, Sarawak.

Seterusnya, penulis akan memaparkan peranan yang dimainkan oleh MAQ dalam mengukuhkan institusinya. Setelah menerokai dan menganalisis data dan maklumat yang diperolehi oleh penulis dalam penyelidikan ini, ianya dapat dibincangkan dengan lebih mendalam dalam melihat sejauh manakah peranan khusus mengukuhkan institusi MAQ di Bintulu khasnya dan amnya dalam aspek-aspek berikut iaitu:

Institusi Pendidikan

Menurut Falsafah pendidikan Al-Attas sangat jelas menunjukkan pengembangan individu, tidak dapat dipisahkan oleh masyarakat dalam konteks pelaksanaannya. Antara individu dengan masyarakat dalam persaudaraan kemanusiaan bukan hanya kontrak sosial yang telah terjadi, melainkan juga pada ikatan asal yang telah terjadi antara seluruh manusia yang telah diciptakan Tuhan, sebagaimana di dalam al-Quran:

Surah Al-'Araf 7: 172

Terjemahan: dan (ingatlah Wahai Muhammad) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam (turun-temurun) dari (tulang) belakang mereka, dan ia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, (sambil ia bertanya Dengan firmanNya): "Bukankah Aku Tuhan kamu?" mereka semua menjawab: "Benar (Engkaulah Tuhan kami), Kami menjadi saksi". Yang demikian supaya kamu tidak berkata pada hari kiamat kelak: "Sesungguhnya Kami adalah lalai (tidak diberi peringatan) tentang (hakikat tauhid) ini".

Menurut beliau lagi, manusia pertama kali menyatakan dirinya dengan kata-kata jamak, iaitu 'Ya, Kami menyaksikan' maksudnya setiap roh telah mengenali dirinya secara individu dan hubungannya dengan lain dalam pengakuan Rububiyah Tuhan mereka. Membincangkan peranan MAQ yang bermula dengan beberapa individu membentuk kelompok dan akhir mewujudkan masyarakat yang saling membantu bagi merencanakan program dan aktiviti dakwah dan pendidikan Islam di kampung Baru Bintulu.

Ini sejajar dengan ungkapan Al-Attas iaitu:

"Ketika menyatakan bahawa tujuan ilmu pengetahuan adalah melahirkan manusia yang baik, kami tidak bermaksud untuk melahirkan manusia yang baik, sebab masyarakat terdiri daripada individu, melahirkan seseorang yang baik akan melahirkan masyarakat yang baik. Pendidikan adalah bahagian di dalam masyarakat"

Penubuhan MAQ sejajar dengan tuntutan untuk menyatukan masyarakat Islam dengan memberi bimbingan dan pendidikan agar saling mengukuhkan persaudaraan di antara masyarakat di Bintulu serta seterusnya masyarakat Islam di Sarawak. Masyarakat yang dikatakan oleh Al-Attas tadi terdiri daripada individu, pendidikan masyarakat tidak berlangsung kecuali ada individu yang cukup terdidik, terlatih dan berpengalaman, seperti sebuah kereta diisi dengan pelbagai bahagian tertentu yang antara satu dengan lainnya saling menunjang sehingga untuk membaiki tidaklah harus melibatkan 'kereta' itu secara keseluruhannya.

Pada awalnya idea MAQ ditubuhkan adalah untuk memberi perhatian kepada pengajian al-Quran sebagai teras dan supaya masyarakat Islam di Bintulu dapat dibentuk menjadi masyarakat celik al-Quran. Sebelumnya ada terdapat beberapa kelas al-Quran di tempat-tempat seperti rumah guru al-Quran, surau-surau dan masjid-masjid. Tetapi ia tidak mencukupi untuk mengisi permintaan dan kesedaran masyarakat ingin mempelajari pengajian al-Quran secara sistematik dan komprehensif.

Pendidikan al-Quran dan pengajian al-Quran di Sarawak, tidak ketinggalan dalam memberi perhatian sewajarnya kepada pengajian kitab suci ini. Perhatian mereka terhadap al-Quran ini ada wujud sejak awal lagi seperti para ibu bapa dahulu lagi tidak mengabaikan pengajaran al-Quran terhadap anak-anak mereka. Di samping itu juga masyarakat yang prihatin kepada al-Quran juga dapat dilihat kerana ianya menjadi adat resam yang mewajibkan seseorang yang menamatkan pengajian al-Quran (khatam) dahulu sebelum mereka boleh dipotong jambul. Begitulah beberapa catatan dan maklumat tentang perkembangan pengajian dan pendidikan di Sarawak.

Pengajian secara teratur telah wujud pada awal abad ke 19 M. Seorang ulama' yang terkemuka di Sarawak iaitu di antara 1829 M hingga 1890 M seperti Datuk Hakim Haji Abdul Rahman atau dikenali dengan panggilan Datuk Hakim Keramat. Beliau adalah di antara orang yang dicatatkan pernah menjadi guru yang mengajar al-Quran di Kuching, Sarawak. Dan juga, di antara murid-muridnya yang mengikuti dan menerima pengajian ini iaitu Tuan Sheikh Othman Sarawak pada tahun 1863 sehingga 1921 M. Sebelum berangkat ke Mekah, Sheikh Othman telah menghafal 30 juzuk al-Quran ketika berumur 14 tahun.

Dan juga, terdapat juga beberapa orang anak Sarawak yang merantau ke Mekah untuk melanjutkan pengajian seperti Datuk Hakim Imam Murshidi Bin Haji Nuruddin, Tuan Haji Mas'ud Bin Abdul Wahab, Datuk Mufti Imam Haji Nawawi, Tuan Haji Adul Rahim Bin Haji Sa'id dan lain-lain. Setelah tamat pengajian di Mekah, mereka-mereka inilah yang meneruskan pengajian, mengajar dan menyampaikan ilmu yang perolehi serta berkhidmat sebagai guru al-Quran di Sarawak. Walaupun kelas-kelas Quran dan pengajian telah dirintis oleh guru-guru al-Quran di bahagian Kuching, ada beberapa tempat yang masih mengalami kekurangan guru-guru al-Quran termasuk di kawasan-kawasan pedalaman yang mempunyai mu'alaf (saudara baru).

Dikatakan juga, murid-murid mereka juga mengajar ke beberapa tempat lain seperti di Sibu, Mukah, Miri dan Bintulu. Kalau dilihat budaya dan pendekatan untuk mengukuhkan pengajian dan pendidikan al-Quran sejak dahulu, para pendidik dan ulama' melakukan transformasi untuk melanjutkan pengajian di luar Sarawak.

Menurut penulis, tradisi dan kebudayaan ilmu melalui pendidikan khasnya al-Quran telah memberi kekuatan kepada generasi berikutnya sama ada dilakukan secara langsung atau pun tidak sehingga kebudayaan dan usaha untuk memperkasakan pendidikan al-Quran turut dilakukan oleh institusi berikutnya seperti MAQ dan lain-lain.

Dan juga untuk mempertahankan tradisi keilmuan termasuk pendidikan dan pengajian al-Quran, penempatan yang dari awal bermula dari rumah ke rumah, pada peringkat awal menfokuskan pembacaan al-Quran, diteruskan dengan hukum-hukum tajwid, taranum, dan kadang-kadang secara tidak langsung diasuh dan dididik dengan sikap menghormati guru, bertanggungjawab dan menanam akhlak dan nilai-nilai kebaikan kepada para murid. Dan juga setelah berkembang, ianya dilakukan berikutnya menubuhkan institusi atau sekolah seperti mana dilakukan pada tahun 1917 oleh Datuk Hakim Imam Haji Morshidi yang telah menubuhkan sebuah sekolah bagi mengajarkan al-Quran serta pelajaran-pelajaran agama lain. Dan kemudian, pengajian al-Quran di Bintulu juga mengalami turun naiknya dalam perkembangannya disebabkan ketiadaan guru al-Quran yang khusus mengajarkan, dan kebanyakan yang mengajar datang dari bahagian Kuching dan lain-lain. Hal tersebut menjadikan cabaran untuk peningkatan dan pengukuhan pengajian al-Quran sehingga Jabatan Agama Islam Sarawak iaitu di Pejabat Agama Islam Bahagian Miri ketika itu mengambil inisiatif untuk melakukan program-program pengukuhan pengajaran dan pembacaan al-Quran. Di Bintulu, apabila Ustaz Ali Fathullah Harun dan kawan-kawannya melihat fenomena dan potensi yang sama untuk mengembalikan kebangkitan serta memupuk kesedaran tentang keperluan ajaran Islam diajari dan disampaikan, keperluan mewujudkan sebuah institusi pendidikan.

Pada tahun 1989 lahirnya sebuah institusi untuk mengukuhkan pendidikan al-Quran di Bintulu iaitu Madrasah al-Quran Bintulu MAQ yang berperanan sebagai platform dan institusi yang memberi pendidikan al-Quran dan seterusnya menjadi pencetus kepada wujudnya institusi-institusi lain yang memberi perhatian kepada pendidikan dan pengajian al-Quran seperti Institut Tahfiz Bintulu, kelas-kelas al-Quran di beberapa tempat di Bintulu, Kelas al-Quran Al-Hilal Bintulu, prasekolah Islam iaitu Tadika al-Quran (TAQ) ditukar nama kepada Tadika Bestari, Tadika HIKMAH dan sebagainya. Ini merupakan peranan yang cukup penting dan besar yang diusahakan oleh pihak MAQ meneladani dan mengikuti jejak para ulama' untuk memperkasakan institusi pendidikan al-Quran bagi mengukuhkan agama Islam di Sarawak amnya dan khasnya di Bintulu.

Seterusnya apabila berkembang dan penyusunan semula peranan MAQ dalam skala yang lebih besar dan matlamat jangka panjang serta kelangsungan untuk menarik lebih banyak lagi calon-calon pelajar ke MAQ, institut ini mula memikirkan untuk menubuhkan beberapa kemudahan seperti kursus pengajian Islam yang dikelola di bawah pengurusan Institut Iqra' (IIQ) pada tahun 2007 sehingga kini. Di samping itu perancangan untuk mengambil para pelajar perempuan sejak tahun 2010 sehingga kini. Dan juga akan membuka satu lagi unit atau institusi iaitu Madrasah Tahfiz al-Quran (MTQB) yang sedang dalam proses pembinaan dan pembangunan bermula pada tahun 2014. Ini kerana situasi dan inisiatif untuk mengukuhkan dan memperkasakan lagi MAQ di Bintulu khasnya dan Sarawak amnya.

MAQ telah memilih pelajar yang berminat untuk mendalami Islam, ianya akan dicurahkan setelah tamat pengajian sama ada hanya di MAQ itu sendiri dan tamat pengajian lanjutan di dalam dan luar negara. Secara terperinci MAQ berperanan sebagai pencetus motivasi melahirkan individu-individu yang akan berperanan di tempat masing-masing dalam pelbagai aspek bidang dan kepakaran. Walaupun kesederhanaan dalam memberi latihan, mendidik serta mentarbiah, akan tetapi kesungguhan para pelajar untuk berbakti kepada masyarakat amat dititik beratkan oleh pengajar di MAQ. Ini kerana hubungan berterusan setelah tamat masih terjalin bagi menguatkan semangat kebersamaan di antara para graduan dengan MAQ kelak. Ini merupakan keunikan yang terdapat di MAQ kepada para pelajar dan ara graduannya.

Tujuan pendidikan dalam Islam bersifat keagamaan, tetapi agama, din yang dimaksudkan oleh Islam bukan hanya bersifat peribadi, melainkan juga bersifat sosial dan kebudayaan Dalam perbincangan menyatakan adab dalam pendidikan ditekankan sama ada diantara pada guru, ustaz dan tenaga pengajar yang memiliki ilmu serta 'alim, para pelajar ditekankan akhlak dan peribadi yang sejajar dengan tuntutan ajaran Islam. Seperti di institusi pendidikan lain iaitu di pondok, ma'ahad dan madrasah amalan seperti adab di antara guru dengan pelajar ditekankan secara mendalam. Dan juga menyatakan adab ketika belajar di pengajian-pengajian di institusi pendidikan. hal tersebut agar penerusan tradisi keilmuan mendapat keberkatan didalam menekuni ajaran Islam bagi pedoman untuk diri pelajar dan masyarakat Islam.

Walaupun impak masih dipersoalkan oleh beberapa pandangan individu dan masyarakat Islam di Bintulu khasnya dan amnya di Sarawak, akan tetapi pengakuan dan pengiktirafan kepada MAQ adalah sebuah

penghargaan peranan institusi tersebut sebagai salah satu pencetus kepada perkembangan Islam melalui pendidikan di Bintulu khasnya dan amnya di Sarawak. Tidak dapat dinafikan bahawa MAQ telah banyak berperanan melahirkan ilmuan, para pendidik yang memainkan peranan di tempat masing-masing di seluruh Sarawak. Dengan mengemukakan penulisan ini dapat memberi pendedahan kepada masyarakat Islam di Sarawak khasnya dan amnya di Malaysia, Sarawak telah mengorak langkah seiring dengan perkembangan pendidikan Islam dengan negeri-negeri lain di Malaysia bagi lebih melaksanakan kelangsungan untuk membina modal insan dalam pembangunan negeri dan negara kelak.

Sumbangan MAQ Sebagai Institusi Pendidikan dan Latihan

Ramai yang menyebut sebagai pusat pemulihan akhlak dan seumpamanya. Ini yang menjadi persepsi agama dapat dijadikan sebagai tempat penampungan anak dan belia yang nakal. Sememang tidak dapat di nafikan pada awal penubuhannya bertindak mendidik anak tempatan yang akademiknya lemah dan bermasalah. Tapi dengan akhirnya karisma tenaga pengajar, guru-guru dan selayaknya mendapat hidayah daripada Allah SWT, para pelajar yang tadinya bermasalah dapat di bentuk menjadi kepada yang lebih baik.

Keghairahan umat Islam di Sarawak terhadap pembangunan Islam menuntut kepada pemantapan ilmu. Keghairahan tersebut dirasakan ketika gelombang pembangunan modal insan terutama pendidikan Islam pada era 1980-an sejajar dengan perkembangan Islam di Semenanjung Malaysia.

Sejak penubuhannya pada akhir 1890-an hingga 2013, telah banyak melakukan program-program jangka masa panjang dan pendek bagi mewujudkan suasana dan lingkungan yang islami. Dan juga diharapkan lahirnya modal insan bagi memperkasakan Islam di Sarawak amnya dan khususnya di Bintulu Sarawak.

Nilai-nilai normal pada dasarnya meliputi kemampuan masyarakat dalam mengerti dan mendalami ajaran-ajaran Islam dalam artian ibadah mahdah sehingga masyarakat menyedari akan pelaksanaan ajaran Islam yang selama ini dipupuknya. Kebanyakan masyarakat cenderung baru memiliki agama (having religion) tetapi belum menghayati agama (being religion). Artinya secara kuantiti banyak jumlah umat Islam tetapi secara kualiti sangat terbatas.

Institut ini merupakan satu wadah bagi meneruskan kelangsungan pengkaderan daie dalam perjuangan dakwah Islamiyah khususnya di Bahagian Bintulu.

Sebagai Institusi Dakwah

Pengertian Madrasah sebagai institusi dakwah dengan melihat peranan madrasah dalam kegiatan melakukan dakwah di kalangan masyarakat, dalam erti kata melakukan aktiviti mewujudkan kesedaran beragama atau melaksanakan ajaran-ajaran agama secara berterusan sebagai pemeluk agama Islam. Keberadaan madrasah di tengah masyarakat merupakan suatu institusi yang bertujuan menegakkan kalimat Allah dalam pengertian penyebaran ajaran agama Islam agar pemeluknya memahami Islam dengan sebenarnya.

Para graduan yang telah lulus dari institut ini banyak menyumbangkan termasuk aspek tenaga kerja dakwah, guru agama, asatizah, golongan professional dan sebagainya.

Sebagai Institusi Sosial dan Masyarakat

- i. Salah satu tempat untuk rujukan dalam memahami kehidupan beragama bagi masyarakat setempat.
- ii. Sebagai wadah perpaduan, kerjasama dan keharmonian antara pihak institusi dengan masyarakat setempat.

Kerjasama pintar antara institusi di bintulu, sarawak

Pihak MAQ telah mengukuhkan jaringan dan menjalinkan kerjasama dengan pelbagai institusi sama diperingkat negeri, kebangsaan mahupun diperingkat antarabangsa. MAQ telah menjalinkan kerjasama pintar (penghantaran pelajar, perkongsian kepakaran dan penyelidikan dan khidmat runding) dengan institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara, institusi agama, agensi kerajaan, pertubuhan dan korporat.

Bidang kerjasama utama adalah aspek akademik dan persefahaman seperti tujuan penghantaran pelajar dan lain-lain. Antara institusi terlibat adalah Institut Agama Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya, Universiti Sains dan Teknologi Yaman, Jordan, Madinah, Pakistan dan semenanjung Malaysia.

Kerjasama dalam bidang-bidang dakwah, kesukarelawan, latihan dan sebagainya. Antaranya Jabatan Agama Islam Bahagian Bintulu, Lembaga Mesjid di Bintulu, Lembaga Kebajikan Islam Bintulu, Pejabat Residen Bahagian Bintulu, HIKMAH (Badan Bukan Kerajaan) dan lain-lain.\

Pembangunan Ekonomi

Ekonomi merupakan aset pendidikan dalam pembangunan dan pengurusan sesebuah institusi. Maka kekuatan dan sumbangan dalam pentadbiran amat penting dan besar demi kejayaan dicapai oleh organisasi atau institusi. Bahkan termasuk institusi pendidikan. Dalam pentadbiran dan pengurusan MAQ, telah banyak pendedahan dan pengalaman dalam mengurus serta melatih para pelajar untuk berdikari, di samping mendalami ilmu-ilmu agama, para pelajar dituntut untuk mempelajari ilmu pengetahuan lain seperti ilmu kemahiran hidup iaitu pertukangan, pembinaan bangunan, pertanian, perternakan dan sebagainya. Ini memberi peluang pelajar untuk memanfaatkan aspek dunia dan akhirat sebagai bekal, pengalaman dan kreativiti dalam menjalani kehidupan kelak setelah tamat pengajian di MAQ. Dalam membincangkan ekonomi dan pembangunannya, MAQ juga diberi peluang lebih luas lagi untuk menceburi bidang ekonomi serta diindungi oleh peraturan-peraturan sebuah institusi serta undang-undang yang berkaitan dengannya. Hasilnya MAQ boleh memiliki tanah dan bangunan sendiri, menjalankan aktiviti-aktiviti pelaburan dan perniagaan dalam ruang lingkup yang lebih luas dan seterusnya memperlehi dana yang boleh disalurkan untuk mencapai objektif-objektif yang telah ditetapkan seperti kewangan bagi pengurusan dan pentadbiran termasuk kakitangan dan para pelajar, institusi-institusinya, kemajuan ekonomi dan lain-lain.

Menurut Ustaz Ali Fathullah, MAQ juga melatih para graduan untuk lebih berdikari dalam semua aspek kehidupan dan tidak bergantung dengan bantuan orang lain. Ini kerana peredaran masa dan keadaan semasa sentiasa memerlukan kekuatan mental, emosi, fizikal, rohani dan sebagainya. Latihan, bimbingan dan tarbiah di MAQ mengajar para graduan terus semangat untuk memajukan diri dan berbakti kepada masyarakat. Kerana peluang yang besar dan banyak masih dapat dibentuk dan diciptakan oleh para graduan. Tidak mengharapkan berkhidmat dengan kerajaan sekiranya keadaan semasa ekonomi negara, maka disinilah perlu kekuatan dalam segala aspek untuk menghadapi cabaran, ujian dan potensi yang ada pada diri graduan MAQ. Latihan dan amali serta mempraktikan bidang usahawan telah dilakukan oleh MAQ untuk menjana sumber kewangan, seperti menternak binatang, industri kecil, pembuatan makanan ringan dan kering, dan jualan kecil-kecilan. Di samping mengikuti pengajian di MAQ, Ustaz Ali Fathullah telah mengajar erti kehidupan yang penuh cabaran dan ujian seharusnya para pelajar MAQ agar sentiasa bersedia untuk berdikari serta berdaya saing untuk memajukan diri dan masyarakat.

Prospek

MAQ beriltizam untuk muncul sebagai salah satu pusat pengajian tinggi beorientasikan pendidikan bersepadu selari dengan misi dan visi bagi menjayakan gagasan pendidikan tinggi Negara. MAQ juga sama sekali tidak mengabaikan fungsi asas tanggungjawab sosial untuk membangunkan potensi sumber daya manusia yang berilmu, berketrampilan dan memiliki sahsiah dan jati diri yang unggul. Ke arah itu beberapa prospek berikut menjadi faktor-faktor kritikal kejayaan untuk masa depan.

Cadangan dan Penghargaan

Tujuan penulisan ini dikaji, diteliti, diterokai serta dianalisa dalam kajian adalah sebagai perbincangan ilmiah dan akademik dalam usaha untuk memperkayakan khazanah penulisan sejarah di Sarawak dan lain-lain. Ianya juga melihat sumbangan institusi ini ke arah pembentukan ummah yang bertaqwa, berkualiti, maju dan bersatu padu.

Adalah diharapkan penulisan ini dapat menghasilkan buah fikiran yang baik dijadikan panduan bagi memperbaiki dan mengatasi kelemahan, kekurangan dalam kerja-kerja dakwah, pengurusan dan pentadbiran institusi pendidikan.

Beberapa pendekatan baru perlu dikenalpasti berasaskan kepada perkembangan dan perubahan masyarakat Islam alaf baru. Berbagai cabaran dan isu dihadapi oleh umat Islam oleh umat Islam boleh ditangani secara pembangunan, pengurusan, pentadbiran dalam aspek dakwah dan pendidikan.

PENUTUP & KESIMPULAN

MAQ telah berperanan dan memberi komitmen untuk menjalankan perkhidmatan pendidikan yang berkualiti yang komprehensif melalui penyeliaan, pelaksanaan, penyelarasan, pemantauan dan penilaian pelbagai program dan aktiviti pendidikan bagi tujuan memperkasakan, memperkayakan dan memperkukuhkan usaha membina dan membangunkan keupayaan umat Islam di Bintulu dan di seluruh Sarawak. Untuk memenuhi hajat jasmani, diperlukan pembangunan fizikal atau material untuk memenuhi segala keperluan jasmani manusia berupa makan, minum, tempat tinggal, pengangkutan dan lain-lain kemudahan.

Sedang untuk keperluan dan keselesaan rohani manusia diperlukan pembangunan mental, rohani atau akhlak, melalui pendidikan agama, kegiatan dakwah dan berbagai macam aktiviti yang bertujuan memupuk kesedaran beragama dan bermasyarakat. Matlamat jangka panjang dan aspirasi MAQ sebagai ulama adalah pewaris ulama' dan untuk menjadikan peneraju dalam memacu pemahaman dan penghayatan Islam sebagai rahmat untuk semua makhluk di muka bumi ini. Peranan akan terus terlaksana jika institusi seperti MAQ tetap konsisten dengan pengukuhan dan pembangunan dalam semua aspek khususnya pengurusan, pentadbiran dan penyelarasan mengikut ketetapan yang telah ditentukan sejak penubuhan.

RUJUKAN

Abang Suhaili Abang Mohammad (Tokoh Masyarakat di Bintulu) dalam temubual dengan penulis, 5 Mei 2012.

Abdul Razak Abdul Kadir, "Sejarah dan Perkembangan Majlis Islam Sarawak Dalam Pendidikan Dan Zakat 1955-1990" (tesis kedoktoran, Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011).

Ahmad Mukarram Sunaryo Bin Hilal, Ustaz, (Pendakwah bebas, Pengurus Kelas al-Quran Al-Hilal, Pengurus SITTT Travel Sdn Bhd Bintulu, Sarawak Beliau juga mantan pegawai Agama di ABF (syarikat milik Petronas di Bintulu. Beliau telah lama menetap di Bintulu serta berpengalaman dalam berdakwah di Bintulu.), dalam temubual dengan penulis, 15 September 2012.

Ali Fathullah Harun. Ustaz. (Pengasas dan Mudir Madrasah al-Quran (MAQ) Bintulu, Sarawak) dalam temubual dengan penulis, 8 Jun 2007.

_____. (Pengasas, Mudir, Pengajar di Madrasah al-Quran (MAQ) Bintulu, dalam temubual dengan penulis, 10 Januari 2008.

_____. (Pengasas dan Mudir Madrasah al-Quran (MAQ) Bintulu, Sarawak) dalam temubual dengan penulis, 14 Februari 2009.

Arifin, Ustaz. Bin Sebli, Hj. (Pegawai Dakwah di Harakah Islamiah (HIKMAH) sebuah Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) di Sarawak, Bahagian Bintulu, Sarawak) dalam temubual dengan penulis, 8 Mei 2010.

Arifin Haji Sebli. 1996. Madrasah al-Quran – Dalam Kenangan Sejak 1989-1996 –Membentuk Ulama Warasatul Ambiya, Bintulu Sarawak, h. 1

Buku Cenderamata Majlis Perasmian Madrasah Al-Falah Al-Islamiah Kampung Pulo, 1985, Petra Jaya, Kuching, Sarawak.

David Berry, *The Principles Of Sociology*, terj. Paulus Wirutomo, edisi ke4 (Jakarta: PT RajaGrafindo Persada, 2003).

Hamdani Kasah (Tokoh Masyarakat Bintulu), dalam temubual dengan penulis, 20 Januari 2012.

Johari Bojeng, *Memperingati Ulama-Ulama Sarawak, Suntingan Jawatankuasa Sambutan 10 tahun BINA, Sepuluh Tahun Angkatan Nahdhatul Islam Bersatu 1969-1979* (Kuching: Terbitan BINA, 1979).

Kamrani Buseri, "Islam di Bornei (Agama, Budaya dan Pendidikan)" (kertas kerja, Seminar Serantau Perkembangan Islam Borneo 2008, Universiti Teknologi Mara Sarawak, 27-28 Februari 2008).

Kamus Dewan, edisi ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007).

Khalil A. Totah, *The Contributions of Arab to Education* (New York: Teacher College, University Colombia, 1926).

Laporan Perjalanan MAQ 1989-1991, Bahagian Pendidikan.

Laporan Perjalanan MAQ 1989-1991, Bahagian Dakwah.

Laporan Perjalanan MAQ 2014, Bahagian Dakwah.

Laporan Perjalanan MAQ 2014, Bahagian Pendidikan.

Mohamad Seliman Haji Hambali, Haji, (Pegawai Pentadbiran Madrasah al-Quran (MA) Bintulu, Ahli Majlis Tertinggi HIKMAH Pusat, Ahli Jawatankuasa HIKMAH Bahagian Bintulu dan Pengurus Tadika Anakku di Bangunan Madrasah al-Mustaqa, RPR Kidurong, Bintulu, mantan Ketua Guru Tadika al-Quran Kampung Baru Bintulu) dalam temubual dengan penulis, 12 Disember 2011.

Noruddin Osman, *Tarjumat al-Marhum al Shaykh Othman* (Singapore: Ahmadian Press, 1925).

Rahmat Bin Abu Seman (Pengurus Pusat Islam An-Nur, UTP, Perak, Mantan Ketua Imam Masjid Assyakirin Bahagian Bintulu, Mantan Ahli Majlis Tertinggi HIKMAH Sarawak, Mantan Pegawai Agama PETRONAS (ABF dan MLNG) di Bintulu) dalam temubual dengan penulis, 15 Jun 2014.

Sanib Said, *Islam di Sarawak: Sejarah Ringkas 1476-1941, Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980).

Sarbini Bin Dahlan, Ustaz, (Graduan MAQ, pernah melanjutkan Lembaga Pengetahuan Islam dan Bahasa Arab (LIPIA) Jakarta Cawangan Universiti Islam Imam Muhammad Ibnu Saud Riyadh, Arab Saudi, Sekolah Tinggi Darul Al-Najah Jakarta, Maahad Al-Hikmah (sekarang Sekolah Tinggi Ilmu-ilmu Dakwah) Jarkarta, sekarang bertugas sebagai Pegawai Dakwah di HIKMAH Pusat Kuching, Sarawak), dalam temu bual dengan penulis, 1 April 2012.

Sarawak Perlu Ramai Lulusan Bidang Agama: Daud, "The Borneo Post, 25 Disember 2014.

Strong command Of Arabic is necessary to pursue religious Daud, The Borneo Post, 21 April 2012.

Sumbangan Umat Islam Bantu Bina Madrasah, Mudir MAQ, " Utusan Borneo, 25 Disember, 2014.

Syed Ahmad Syed Hussin, "Pengajian al-Quran di Sarawak", dalam *Islam dan Peranan Ulama'-Ulama'*, ed. Panel Penulis Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1988).

Syeikh Abdul Shamad Al-Falambani, *Hidayatus Salikin Fi Suluki Maslakil Muttaqin, Petunjuk Jalan bagi Orang yang Takut kepada Allah Ta'ala*, disunting dan disempurnakan oleh Syeikh Ahmad Fahmi Zamzam, Abu Ali al-Banjari An Nadwi al-Maliki, Pentahqiq kitab Sairus Salikin Syeikh Abdus Shamad al-Falambani (Selangor: Galeri Ilmu Sdn. Bhd, 2014).

Wan Mohd Nor Wan Daud, *Falsafah Dan Amalan Pendidikan Islam*, Syed M. Naquib Al-Attas, Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi, terjemahan Penerbitan Mizan (Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya, 2012).